

# Program Bantuan Peralihan Kenderaan NGV

# NGV

Program Bantuan Peralihan Kenderaan NGV ini diperkenalkan oleh PETRONAS NGV Sdn Bhd (PNGV) sebagai sebahagian daripada usaha kami untuk membantu pengguna kenderaan NGV dalam proses peralihan kepada kenderaan petrol, diesel atau lain-lain.

Program ini bertujuan untuk menyokong keputusan Kerajaan dalam memastikan keselamatan pengguna jalan raya dan orang ramai daripada penggunaan kenderaan NGV yang tidak memenuhi piawaian keselamatan semasa. Kami prihatin terhadap impak peralihan ini kepada pengguna, dan oleh itu, pakej bantuan ini disediakan untuk membantu meringankan beban kepada tiga kumpulan sasar yang layak.

## PAKEJ BANTUAN YANG DITAWARKAN

Pakej bantuan yang ditawarkan kepada tiga kumpulan sasar adalah seperti berikut:

### Pakej Bantuan 1:

Pakej Bantuan Peralihan kepada Pemandu Teksi NGV



Khusus untuk pemandu teksi kenderaan NGV mengikut terma dan syarat.

Pemandu teksi NGV yang layak akan menerima e-baucar Setel secara *one-off* yang akan dikreditkan melalui aplikasi Setel penerima.

### Pakej Bantuan 2:

Pakej Bantuan Peralihan bagi Kenderaan Dwi-bahan Api NGV



Khusus untuk pemilik kenderaan dwi-bahan api (*dual-fuel*) mengikut terma dan syarat.

Perkhidmatan menanggalkan kit NGV di bengkel yang dilantik akan diberikan secara percuma kepada kenderaan dwi-bahan api.

### Pakej Bantuan 3:

Pakej Bantuan Peralihan bagi Kenderaan Bahan Api Tunggal NGV



Khusus untuk pemilik kenderaan Bahan Api Tunggal NGV (*mono-fuel*) mengikut terma dan syarat.

Pemilik kenderaan Bahan Api Tunggal NGV yang layak akan menerima bayaran secara *one-off*.

**Nota Penting:** PETRONAS NGV berhak untuk mengubah, meminda, memadam atau menambah kepada mana-mana terma dan syarat yang ditetapkan, sepenuhnya atau sebahagian, dari semasa ke semasa tanpa notis dan pemohon perlu bersetuju dengan perubahan tersebut.

Untuk maklumat lanjut:

Permohonan boleh dibuat dengan mengimbas kod QR di bawah atau layari laman web kami di [www.peralihanngv.com](http://www.peralihanngv.com)



\*Tertakluk pada terma dan syarat.

# Pakej 1:

## Pakej Bantuan Peralihan kepada Pemandu Teksi NGV

Pakej bantuan peralihan ini adalah khusus untuk pemandu teksi yang layak merangkumi pemberian e-baucar secara *one-off* yang akan dikreditkan melalui aplikasi Setel.

### SYARAT KELAYAKAN

Pemandu teksi NGV yang masih aktif

- 1) Pemegang Kad Pemandu Teksi yang sah
- 2) Pemegang Permit Kenderaan yang sah  
(Seperti yang direkodkan dalam data APAD)

### LANGKAH - LANGKAH UNTUK MEMOHON

**1** Semak Kelayakan

Masukkan nombor kad pengenalan untuk menyemak kelayakan.

**2** Mohon

Isi borang beserta dokumen-dokumen sokongan yang diperlukan:

- Salinan Kad Pengenalan
- Salinan Kad Pemandu
- Salinan Permit Kenderaan

Status permohonan akan dimaklumkan melalui e-mel yang didaftarkan semasa permohonan.

**3** Terima Bayaran

Muat turun aplikasi Setel dan lakukan pengesahan identiti untuk menerima pembayaran melalui e-baucar Setel.

1



Imbas kod QR untuk muat turun aplikasi Setel

2



Imbas kod QR untuk panduan pengesahan identiti di aplikasi Setel

# Pakej 2:

## Pakej Bantuan Peralihan bagi Kenderaan Dwi-bahan Api NGV

Pakej bantuan peralihan ini adalah khas untuk pemilik kenderaan dwi-bahan api NGV (*dual-fuel*) yang layak untuk menanggalkan kit NGV secara percuma di Rakan Bengkel yang dilantik.

### SYARAT KELAYAKAN

Kenderaan dwi-bahan api (NGV/petrol/diesel) yang masih aktif

Memiliki Lesen Kenderaan Motor (Road Tax)

( Seperti yang direkodkan dalam data JPJ )

### LANGKAH - LANGKAH UNTUK MEMOHON

#### 1 Semak Kelayakan

Masukkan maklumat di bawah untuk menyemak kelayakan;

- Nombor Pendaftaran Kenderaan
- Nombor Casis Kenderaan

#### 2 Tempah Janji Temu

- Anda akan menerima e-mel, sila tekan pautan yang tertera. Lengkapkan butiran permohonan serta muat naik salinan geran dan gambar terkini kenderaan untuk menempah janji temu.
- Anda akan menerima pengesahan janji temu dan Slip Janji Temu melalui e-mel yang didaftarkan semasa permohonan.

#### 3 Tanggalkan Kit NGV

- Sila bawa kenderaan anda ke bengkel yang telah ditetapkan seperti di Slip Janji Temu.
- Pastikan paras gas NGV kenderaan rendah (penunjuk berwarna merah atau tekanan di bawah 500 psi).
- Sila rujuk Slip Janji Temu anda untuk maklumat yang perlu diambil maklum sebelum janji temu.

# Pakej 3:

## Pakej Bantuan Peralihan bagi Kenderaan Bahan Api Tunggal NGV

Pakej bantuan peralihan ini adalah khas untuk pemilik kenderaan bahan api tunggal NGV yang layak untuk menerima pembayaran secara *one-off*.

### SYARAT KELAYAKAN

Kenderaan Bahan Api Tunggal NGV yang masih aktif

Memiliki Lesen Kenderaan Motor (*Road Tax*)

(Seperti yang direkodkan dalam data JPJ)

Membuat pembatalan pendaftaran JPJ dan melupuskan kenderaan melalui wakil berdaftar *Authorised Automotive Treatment Facility (AATF)*

### LANGKAH - LANGKAH UNTUK MEMOHON

#### 1 Semak Kelayakan

Masukkan maklumat di bawah untuk menyemak kelayakan;

- Nombor Pendaftaran Kenderaan
- Nombor Casis Kenderaan

#### 2 Mohon

Isi borang beserta dokumen-dokumen sokongan yang diperlukan:

- Salinan pendaftaran syarikat (SSM)/ Kad Pengenalan (IC)
- Gambar kenderaan yang mengandungi jenama dan nombor pendaftaran yang jelas
- Salinan Lesen Kenderaan Motor (Roadtax)
- Salinan Sijil Milikan Kenderaan (Geran)

#### 3 Penilaian Kenderaan

Anda akan dihubungi oleh wakil penilai bebas untuk membuat janji temu bagi menilai kenderaan anda

#### 4 Terima Bayaran

Pembayaran ke akaun anda akan dilakukan selepas penyerahan *Certificate of Destruction (COD)* dan slip pembatalan pendaftaran kenderaan (borang K1d) oleh wakil AATF.